

ULUM HADIS TINGKATAN 4

BAB 1 - ULUM HADIS DAN KEPENTINGANNYA

1. Hadis dari segi bahasa ialah baru manakala pada istilah ialah perkataan, percakapan dan perkhabaran, perbuatan, taqirir dan sifat yang disandarkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.

2. Huraian pengertian :

- a. **Perkataan** - Sesuatu yang diucapkan atau yang dikatakan oleh Nabi Muhammad.
- b. **Perbuatan** - Apa yang dibuat atau dilakukan oleh Nabi Muhammad.
- c. **Taqirir** - Perkara yang didiamkan oleh Nabi Muhammad.
- d. **Sifat** - Jasmani seperti bentuk tubuh badan atau sifat rohani seperti amanah dan jujur.

3. Istilah yang berkaitan dengan hadis :

a. **As-Sunnah.**

-Dari segi bahasa : Perjalanan, gaya dan tingkah laku dalam kehidupan.

-Dari segi istilah : Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad dari perkataan, perbuatan, taqirir atau sifat.

b. **Al-Khabar.**

-Dari segi bahasa : Berita yang disampaikan.

-Dari segi istilah : Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad dari perkataan, perbuatan, taqirir atau sifat yang dinisbahkan kepada sahabat atau Tabi'in samada perbuatan atau perkataan.

c. **Al-Athar.**

-Dari segi bahasa : Kesan atau bekas daripada sesuatu.

-Dari segi istilah : Ia biasa digunakan dengan maksud sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad dari perkataan, perbuatan, taqirir atau sifat yang dinisbahkan kepada sahabat atau Tabi'in samada perbuatan atau perkataan.

4. Tujuan mempelajari hadis :

- a. Dapat mempelajari hal-hal agama dengan jelas.
- b. Dapat mengetahui keperibadian Rasulullah yang sebenar.
- c. Selamat daripada kesilapan pengambilan hadis.
- d. Mendapat kerahmatan dan ganjaran daripada Allah.
- e. Panduan untuk berjaya di dunia dan akhirat.
- f. Dapat mencintai dan menghayati sunnah Rasulullah

5. Pengertian ulum hadis ialah suatu kaedah untuk mengetahui keadaan sanad dan matan samada diterima atau ditolak.

6. Tujuan mempelajari ulum hadis :

- a. Untuk menilai sesebuah hadis dari segi sanad atau matan samada sahih atau tidak.
- b. Untuk memahami hadis.
- c. Untuk membolehkan kita beramal dengan hadis yang sahih.
- d. Untuk membongkar segala rahsia yang terdapat dalam hadis yang tidak diketahui.
- e. Untuk mengetahui cara ulama menilai sesuatu hadis.
- f. Untuk menolak tuduhan orientalis atau golongan anti hadis.
- g. Untuk mengetahui unsur-unsur israeliat dalam pentafsiran al-Quran.

BAB 2 - HADIS SUMBER PERUNDANGAN ISLAM

1. Fungsi hadis :

- a. Untuk mengukuhkan hukum yang telah ditentukan oleh al-Quran.
- b. Mentafsir ayat al-Quran yang mujmal.
- c. Mentaktyidkan ayat-ayat al-Quran yang mutlak.
- d. Mentakhsiskan ayat yang umum.
- e. Menetapkan hukum yang tiada dalam al-Quran.

2. Para sahabat bersepakat bahawa hadis Rasulullah wajib ditaati samada semasa hayatnya atau sebaliknya.

3. Orientalis ialah golongan cerdik pandai orang Eropah yang terdiri daripada orang yahudi, kristian dan lain-lain yang membenci Islam.

4. Pandangan orientalis terhadap hadis Rasulullah :

- a. Hadis Rasulullah adalah rekaan semata-mata.
- b. Rasulullah adalah manusia yang juga melakukan kesalahan semasa menjadi nabi dan sesudahnya.
- c. Hadis atau sunnah yang dikaitkan kepada baginda adalah ajaran palsu yang muncul di antara 200-250 tahun kemudian.
- d. Konsep sunnah tidak pernah disebut pada zaman Rasulullah dan ia timbul pada zaman pemerintahan khalifah Umar Abd Aziz.

5. Hujjah untuk menolak dakwaan orientalis :

- a. Rasulullah adalah seorang yang ummi dan tidak munasabah baginda mencipta hadisnya sendiri.
- b. Memang diakui Rasulullah sebagai seorang manusia, tetapi baginda maksum.
- c. Ajaran yang dibawa oleh Rasulullah adalah al-quran dan as-sunnah. Catatannya bukanlah berlaku dalam tempoh 200-250 tahun selepas kewafatan baginda.

6. Konsep sunnah wujud semenjak zaman Rasulullah lagi.

BAB 3 ILMU HADIS RIWAYAH DAN DIRAYAH

1. Pengertian **ilmu hadis riwayat** ialah suatu pengetahuan mengenai perkara yang disandarkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. secara khusus samada perkataan, perbuatan, taqrir, sifat dan tingkah laku.

2. Pengertian **ilmu hadis dirayah** ialah suatu ilmu untuk mengetahui keadaan sanad dan matan dari sudut diterima atau ditolak yang berhubung kait dengannya.

3. Sejarah perkembangan ilmu hadis :

Zaman Rasulullah.

- i. Rasulullah diutus untuk menyampaikan syariat Islam kepada seluruh umat manusia. Apa jua yang disampaikan oleh Rasulullah adalah benar kerana baginda maksum.
- ii. Sebahagian sahabat menerima hadis daripada baginda secara lisan dan menghafaznya kerana masyarakat Arab pada zaman tersebut kebanyakannya buta huruf dan mempunyai daya ingatan yang kuat.
- iii. Terdapat sahabat yang menulis hadis-hadis setelah mendapat keizinan daripada Rasulullah.
- iv. Terdapat hadis Rasulullah yang melarang dan membenarkan penulisan hadis pada peringkat awal penurunan al-Quran kerana beberapa alasan.
Larangan Rasulullah kerana :
 - Pada peringkat awal diturunkan al-Quran kerana dibimbangi bercampur dengan al-Quran.
 - Ditakuti al-Quran dan hadis ditulis dalam satu lembaran.
 - Larangan bagi mereka yang mempunyai daya ingatan yang kuat.
- v. Keizinan Rasulullah adalah dengan alasan :
 - Ketika al-quran tidak turun.
 - Sekiranya ia ditulis dalam lembaran yang berasingan.
 - Bagi mereka yang mudah lupa.

Zaman sahabat.

- i. Selepas Rasulullah wafat kebanyakan para sahabat masih tidak melaksanakan penulisan dan pembukuan secara formal namun ada kalangan sahabat yang pandai menulis seperti Abu Bakar As-Sidiq, Muaz Bin Jabal, Umar Bin Al-Khattab, Muawiyah bin abu Sufian, Abdullah bin Zubir dan Jabar bin Samrah.
- ii. Kegiatan para sahabat dalam penulisan dengan cara mengajar, mempelajari , meriwayatkan, mengumpul dan mencatat hadis-hadisnya.
- iii. Memang terdapat penulisan hadis namun ianya tidak dikumpul secara khusus dan belum dibukukan.

Zaman Tabi'in.

- i. Pada zaman Tabi'in kemunculan hadis-hadis palsu mula ketara disebabkan penyelewengan yang dilakukan oleh pengikut mazhab seperti Syiah, Khawarij dan Muktazilah.
- ii. Keadaan ini bertambah buruk dengan kekurangan penghafaz hadis yang berpindah ke negeri-negeri lain atau mati di medan jihad.
- iii. Khalifah Umar bin Abd Aziz telah mengarahkan Abu bakar bin Muhammad bin Hazam gabenor Madinah supaya mengumpul dan mencatat hadis-hadis daripada huffaz seperti Umrah bin Abd Rahman.
- iv. Khalifah Umar bin Abd Aziz telah mengarahkan Abu bakar bin Muhammad bin Hazam gabenor Madinah supaya mengumpul dan mencatat hadis-hadis daripada huffaz seperti Umrah bin Abd Rahman.
- v. Usaha ini diteruskan oleh Muhammad bin Muslim bin Syihab Az-Zuhri dengan mengumpul dan membukukan hadis-hadis Rasulullah untuk diedarkan ke seluruh pelusuk negara-negara Islam.
- vi. Usaha ini berterusan sehingga ke zaman Abasiyah yang dipimpin oleh Abu Jaafar al-Mansur dan beliau telah mengarahkan imam Malik bin Anas supaya menyusun sebuah hadis dan terhasillah kitab al-Muatta'.

BAB 4 HADIS NABAWI, HADIS QUDSI DAN AL QURAN

1. Pengertian hadis nabawi segi bahasa ialah baru atau percakapan atau perkhabaran manakala dari segi istilah ialah perkataan, perbuatan takrir dan sifat yang disandarkan kepada Rasulullah.
2. Pengertian hadis qudsi ialah sesuatu yang dikhabarkan oleh Allah kepada Rasulullah melalui ilham atau mimpi kemudian baginda menyampaikannya dengan menggunakan perkataan baginda sendiri.
3. Pengertian al-Quran ialah kalamullah yang bermukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad melalui malaikat jibril dalam bahasa arab, diriwayatkan secara mutawattir dan membacanya adalah ibadah, bermula dengan surah fatihah dan berakhir dengan surah an-Nasr.
4. Perbezaan antara hadis qudsi dan nabawi :
 - a. Lafaz hadis qudsi datang daripada Rasulullah dan maknanya adalah wahyu Allah S.W.T.
 - b. Hadis Nabawi ialah lafaz dan maknanya datang daripada Rasulullah S.A.W.
 - c. Hadis qudsi juga dinamakan sebagai hadis ilahi dan hadis rabbani manakala hadis nabawi dinamakan sebagai sunnah Rasulullah, khabar dan athar.
 - d. Sanad hadis qudsi disandarkan pada Rasulullah sebagai pencerita , manakala hadis nabawi disandarkan kepada Rasulullah S.A.W.

BAB 5 HADIS MUTAWATIR DAN HADIS AHAD

HADIS MUTAWATIR

1. Hadis mutawatir dari **segi bahasa** ialah berterusan atau berturutan manakala dari **segi istilah** ialah suatu hadis yang diriwayatkan sejumlah perawi atau sanad yang ramai dan pada adat adalah mustahil mereka berpakat melakukan pendustaan terhadap hadis Rasulullah.
2. **Syarat hadis mutawatir :**
 - a. Hadis yang disampaikan oleh perawi-perawi hendaklah diterima melalui pendengaran dan pengelihatan mereka dan bukanlah sesuatu yang merupakan hasil daripada pemikiran.
 - b. Jumlah perawi hendaklah mencapai satu kepastian, iaitu tidak mungkin mereka berpakat untuk berdusta.
 - c. Hendaklah seimbang antara generasi sahabat dengan jumlah perawi pada generasi yang berikutnya.
3. Bahagian hadis mutawatir :
 - a. **Hadis mutawatir lafzi** - Hadis yang mutawatir lafaznya dan hadis yang diriwayatkan oleh rawi yang ramai dan lafaz serta makna hadis tersebut adalah sama.
 - b. **Hadis mutawatir maknawi**- Hadis yang mempunyai makna yang sama tetapi berlainan susunan lafaznyadan hadis yang diriwayatkan oleh rawi yang ramai

4. Kedudukan hadis mutawatir ialah wajib diterima sebagai dalil dalam menentukan / sesuatu hukum secara qat'ie.

HADIS AHAD

1. Hadis ahad ialah hadis yang tidak memenuhi syarat hadis mutawatir dan setengah ulama mengatakannya sebagai hadis yan tidak mencapai darjah mutawatir.

2. Hadis ahad terbahagi kepada tiga iaitu :

- a. **Hadis Mayshur.**
- b. **Hadis 'Aziz**
- c. **Hadis Gharib**

3. **Hadis mayshur** bermaksud :

- a. Hadis yang diriwayatkan oleh seorang atau lebih perawi dan tidak mencapai darjah mutawatir.
- b. Perawi dalam hadis ini seorang sahaja pada generasi samada generasi pertama (sahabat), generasi kedua (tabi'in) atau generasi seterusnya. Walau bagaimanapun , generasi perawi yang kelima dan seterusnya ramai.
- c. Contohnya :

4. Hadis 'Aziz bermaksud :

- a. Hadis 'Aziz ialah hadis yang diriwayatkan oleh dua orang rawi walaupun dalam satu generasi dan kemudiannya diriwayatkan oleh ramai rawi
- b. Contohnya :

5. Hadis gharib bermaksud :

- a. Hadis gharib ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang rawi sahaja iaitu hampir seluruh rawinya bagi setiap generasi hanya seorang sahaja.
- b. Contohnya :

BAB 6 HADIS SAHIH, HASAN DAN DHAIF

HADIS SAHIH

1. Hadis sahih ialah hadis yang diriwayatkan oleh rawi yang bersifat adil dan mempunyai ingatan yang kuat, sanadnya hendaklah bersambung serta tidak mempunyai kejanggalan dan kecacatan yang boleh menyebabkan sesuatu hadis itu rosak.

2. Hadis sahih telah dibahagikan oleh ulama kepada lima bahagian iaitu :

- a. **Rawi bersifat adil** – Menjauhi maksiat, menjauhi dosa kecil dan perkara yang boleh merosakkan iman.
- b. **Rawi yang sempurna ingatan** – Dapat mengingat tanpa terlebih dan terkurang.
- c. **Hadis tidak ber'illah** – Tidak terdapat pada sanadnya sesuatu yang boleh mencacatkan kesahihan hadis.
- d. **Hadis tidak janggal** – Kejanggalan sesuatu hadis bergantung pada pertengahan antara sesuatu hadis yang diriwayatkan oleh rawi yang maqbul dengan hadis yang diriwayatkan oleh rawi yang lebih kuat disebabkan oleh jumlah sanadnya yang lebih ramai.

e. **Sanad hadis bersambung** – Bermula generasi pertama (sahabat) hingga rawi terakhir yang menulis hadis tanpa tertinggal walau seorang rawi .

3. Bahagian hadis sahih :

a. Hadis sahih lizatihi.

i. Berada dalam susunan yang iltizam dengan kesahihan apabila rawinya terdiri daripada orang yang tepat.

ii. Diakui kesahihannya oleh imam yang boleh mentakhsis hadis.

iii. Diperhatikan rawi sesebuah hadis dan ada kesinambungan sanadnya.

b. Hadis sahih lighairih :

i. Hadis yang kesinambungan sanadnya berbagai-bagai atau hadis yang rawinya kurang daya ingatan tetapi terkenal dengan kejujurannya.

ii. Hadis ini perlu disokong oleh satu riwayat lain yang serupa atau lebih kuat daripadanya untuk menampung sesuatu kekurangan.

HADIS HASAN

1. Hadis Hasan ialah hadis yang diriwayatkan oleh seseorang yang bersifat adil tetapi tidak begitu kuat ingatannya , sanadnya bersambung dan tidak terdapat kecacatan serta kejanggalan pada matannya.

2. Bahagian hadis Hasan :

a. Hadis Hasan Lizatih – Hadis yang memenuhi syarat-syarat Hadis Hasan .

b. Hadis Lighairih – hadis yang sanadnya tidak begitu jelas kelayakan rawinya. Hadis ini dianggap hadis dha'if kerana ia dibantu oleh hadishadis lain yang sama dan seerti dengannya atau kerana ramai riwayatnya.

HADIS DHA'IF

1. **Hadis Dha'if** ialah hadis yang tidak memenuhi satu atau lebih syarat hadis sahih atau hadis hasan.

2. Hadis Dha'if terbahagi kepada dua :

a. **Hadis yang dha'if pada sanadnya.**

i. Terdapat kecacatan pada rawinya dari segi kelayakannya atau hafazannya.

ii. Sanadnya tidak berurutan iaitu terdapat satu atau lebih sanadnya yang tercicir.

b. **Hadis yang dha'if pada matannya** – Terbahagi kepada dua iaitu **Hadis Mauquf** dan **Hadis Maktu'**

ULUM HADIS TINGKATAN 5

BAB 7 HADIS MARFU', MAUQUF DAN MURSAL

HADIS MARFU'

1. Dari segi bahasa : Yang diangkat.

Pengertian dari segi istilah : Hadis yang disandarkan kepada Rasulullah samada perkataan,perbuatan atau pengakuan atau sifat-sifat baginda.

2. Syarat terpenting hadis marfu' ialah sandaran sanadnya mestilah sampai kepada Rasulullah.

3. Hadis marfu' boleh diterima sebagai hujjah dan beramal dengannya sekiranya melengkapinya syarat-syarat hadis sahih atau hasan, jika tidak ia tidak boleh dijadikan hujjah dan beramal dengannya.

HADIS MAUQUF

1. Dari segi bahasa : Terhenti

Pengertian istilah : Hadis yang disandarkan kepada sahabat hadis ini dihubungkan kepada Rasulullah.

2. Hadis ini dinamakan mauquf kerana ia hanya disandarkan kepada sahabat Ibnu Umar dan tidak sampai kepada Rasulullah.

3. Hadis marfu' boleh diterima sebagai hujjah dan beramal dengannya sekiranya melengkapinya syarat-syarat hadis sahih atau hasan, ini kerana para sahabat bersifat adil.

4. Hadis mauquf yang bermartabat dhaif tidak harus dijadikan hujjah tetapi harus dalam perkara fadail dengan syarat-syarat tertentu.

HADIS MURSAL

1. Dari segi bahasa : Gugur atau terputus.

Pengertian istilah : Hadis yang disandarkan oleh tabi'in kepada Rasulullah tanpa menyebut nama sahabat .

2. Hadis mursal ialah apabila seorang tabi'in meriwayatkan sebuah hadis daripada nabi Muhammad S.A.W. tanpa menyebut nama sahabat yang membawa hadis berkenaan.

3. Hadis mursal tidak boleh dijadikan hujjah dan beramal dengannya kecuali apabila disokong oleh satu daripada syarat-syarat berikut :

a. Hendaklah disokong hadis berkenaan dengan sanad lain yang bermartabat sahih atau hasan.

b. Hendaklah diriwayatkan secara makna menerusi seorang perawi lain yang tidak mengambil sanad daripada syeikh yang sama.

c. Menepati kata-kata (fatwa) atau perbuatan sebahagian sahabat.

d. Diamalkan oleh sebahagian ulama' hadis dan fuqaha'.

e. Menepati dengan kaedah qias.

BAB 8 HADIS MAQTU', SYAZ DAN MAUDHU'

HADIS MAKTU'

1. Dari segi bahasa : Terputus.

Pengertian istilah : Hadis yang disandarkan kepada tabi'in sahaja samada perkataan atau perbuatan, tanpa dikaitkan dengan sahabat atau Rasulullah.

2. Hadis maktu' secara umumnya dihukum dhaif dan tidak boleh dijadikan hujjah kerana ia hanyalah kata-kata atau perbuatan tabi'in.

HADIS SYAZ

1. Dari segi bahasa : Janggal dan bercanggah dengan kumpulan yang ramai.

Pengertian istilah : Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang makbul dan siqah tetapi bercanggah dengan perawi-perawi lain yang lebih siqah daripadanya.

2. Hadis syaz secara umumnya termasuk dalam kategori hadis dhaif dan tidak boleh diterima sebagai hujjah.

HADIS MAUDU'

1. Hadis palsu yang cipta oleh pendusta, samada kata-katanya sendiri atau dari orang lain yang kemudiannya disandarkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. dengan sengaja atau tidak.

2. Faktor timbulnya hadis Maudu' :

- a) Mencipta hadis palsu untuk menarik perhatian manusia.
- b) Menunjukkan sokongan pada mazhab.
- c) Bagi melemparkan tuduhan terhadap islam khususnya daripada golongan Zindik.
- d) Untuk berbaik dengan pemerintah.

3. Hadis ini tidak boleh dijadikan hujjah dan tidak harus beramal dengannya.

TINGKATAN 5

BAB 9 GELARAN UNTUK AHLI-AHLI HADIS

AL-MUHADDIS

1. Gelaran untuk ulama' yang menguasai hadis samada dari segi riwayat atau dirayah, seperti mampu membezakan hadis dhaif dan sahih, mengetahui sifat-sifat orang yang meriwayatkan hadis dan hal-hal yang berkaitan dengan ilmu hadis dan ulama yang menguasai kurang daripada 100 000 hadis.

2. Tokoh-tokoh yang mendapat gelaran ini ialah :

- a. Abu Qasim bin Abd Rahman
- b. Muhammad Bin Abi Jamrah
- c. Ahmad Bin Abi Qutaibah al-Dainuri
- d. Ahmad Bin Hajar al-Haitami
- e. Abu Bakar Ahmad Bin Marwan al-Maliki

AL-HAFIZ

1. Gelaran yang memiliki sifat-sifat al-Muhaddis di samping dapat menghafaz dan menguasai lebih daripada 100,000 hadis dari segi sanad dan matannya.

2. Tokoh-tokoh yang mendapat gelaran ini ialah :

- a. Abu Bakar Bin Abi Syaibah
- b. Abdullah Bin Abdul Rahman al-Darimi
- c. Ibnu Majah
- d. Muhammad Bin Hibban
- e. Abdul Rahman Bin Abi Hatim al-Razi

AL-HUJJAH

1. Gelaran untuk ulama' yang memiliki sifat-sifat al-Muhaddis dan menghafaz serta menguasai lebih daripada 300,000 hadis dari segi sanad dan matannya.

2. Tokoh-tokoh yang mendapat gelaran ini ialah :

- a. Malik Bin Ismail al-Hindi
- b. Ahmad Bin Salamah al-Barrazi
- c. Al-Hujjaj Bin Manhal
- d. Basyir Bin al-Mufaddhal

AL-HAKIM

2. Gelaran untuk ulama' yang memiliki sifat-sifat al-Muhaddis dan dapat menghafaz serta menguasai melebihi 700,000 hadis dari segi sanad dan matannya.

3. Tokoh-tokoh yang mendapat gelaran ini ialah :

- a. Malik Bin Anas
- b. Muslim Bin al-Hajjaj
- c. Al-Imam Ahmad Bin Hanbal
- d. Muhammad Bin Ismail al-Bukhari

e. Muhammad Bin Isa al-Tarmizi

4. Usaha-usaha dan pengorbanan ulama' hadis :

- a. Berusaha gigih serta sanggup berqurban harta benda dan jiwa raga mereka untuk mencari, mempelajari dan menghafaz hadis-hadis.
- b. Sanggup mengembara walaupun pada usia yang muda untuk mencari dan menghafaz hadis.
- c. Rajin menyusun dan mengumpul hadis sehingga lahirnya kitab-kitab hadis dan ilmu yang berkaitan.